

Rabu, 12 Februari 2020 | 3:38pm



Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah. - NSTP/Faiz Anuar

Penguat kuasa sita 490 tong gas

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin

bhnews@bh.com.my

KLANG: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyita 490 tong gas petroleum cecair (LPG) bernilai RM97,422.40 yang dipercayai disimpan tanpa lesen, di sebuah premis di Jalan Meru.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah, berkata serbuan pada jam 6 pagi semalam dijalankan sepasukan enam anggota, susulan aduan daripada orang awam.

"Hasil pemeriksaan, kita merampas 401 tong seberat 14 kilogram, 86 tong seberat 12 kilogram dan tiga tong seberat 50 kilogram.

"Kita turut menyita sebuah lori tiga tan dengan muatan LPG itu," katanya menerusi kenyataan media, hari ini.

Beliau berkata, pemilik premis berusia 50-an turut gagal menunjukkan dokumen yang berkaitan barang kawalan LPG.

"Arahan di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 dikeluarkan kepada pemilik bagi mengisyiharkan stok semasa barang kawalan LPG dan mengemuka dokumen atau maklumat berkaitan barang kawalan," katanya.